

SOALAN NO: 486

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan menambah bilangan pengerusi dan Mahkamah Perusahaan untuk mengatasi lambakan kes.

PR-1343-T76738

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Telah menjadi hasrat Kementerian Sumber Manusia agar setiap kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dapat diselesaikan secepat mungkin tanpa penangguhan supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak yang bertikai sama ada pekerja atau majikan tanpa berlengah.

2. Mahkamah Perusahaan mensasarkan tempoh penyelesaian kes adalah 16 bulan dari tempoh kes didaftarkan di Mahkamah Perusahaan.

3. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 30 September 2016, bilangan perjawatan Pengerusi di Mahkamah Perusahaan adalah sebanyak 22 perjawatan. Pihak Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha untuk membuat pengisian penuh bagi jawatan Pengerusi dan sedang berurusan dengan pihak berkuasa melantik.

4. Dengan bilangan pengisian Pengerusi yang sedia ada, Kementerian melihat situasi ini masih terkawal dan tidak timbul isu lambakan kes di Mahkamah Perusahaan. Dengan itu, keperluan pertambahan bilangan Pengerusi mahupun bilangan Mahkamah adalah tidak berbangkit.